



**KEMENTERIAN PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM DAERAH DARO MELALUI
PROGRAM PEDULI VETERAN MADANI**

1. **SARAWAK, 16 April 2026 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari** meneruskan siri Jelajah Program Peduli Veteran MADANI (PVM) 2026 di Daerah Daro, Bahagian Sibu hari ini.
2. Program PVM 2026 adalah antara inisiatif utama Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang digerakkan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dalam usaha memperkasa kebajikan veteran ATM dan keluarga. Platform PVM menjadi kaedah terbaik MINDEF mendengar sendiri isu dan keperluan semasa veteran ATM dalam menilai akses kepada perkhidmatan kesihatan, peluang ekonomi serta sokongan sosial sekaligus membantu pihak kementerian dan JHEV ATM menambah baik dasar, pendekatan dan program yang tersusun dan inklusif.
3. Menerusi PVM kali ini, Timbalan MENHAN berpeluang **menyantuni 11 orang Veteran ATM yang terdiri daripada golongan asnaf, sakit kronik, balu dan kalangan ahli keluarga Orang Kurang Upaya (OKU) di sekitar Daerah Daro dan Matu di dalam Bahagian Sibu**. Selain bertanya khabar, program ini turut memanfaatkan peluang menyampaikan sumbangan kebajikan, termasuk bantuan keperluan asas, peralatan pesakit, bantuan baik pulih rumah, dan inisiatif penghargaan melalui penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM), pengagihan 100 Bakul Rahmah turut disampaikan kepada setiap persatuan veteran setempat.
4. Veteran ATM adalah aset negara yang harus dihargai kerana pengorbanan dan jasa golongan ini tidak pernah luput daripada ingatan. Justeru, MINDEF akan terus memperluas program sebegini ke seluruh negara bagi memastikan tiada veteran ATM yang tercicir, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman, sekaligus memperkukuh agenda memastikan Kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan (WKP) terus dibela, khususnya veteran ATM dan keluarga.
5. Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM; Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Panglima Briged Kesembilan Infantri Malaysia (9 Briged); Brigedier Jeneral Dato' Jafri bin Sulaiman, Pengarah JHEV ATM Cawangan Sarawak; Mejar Steven anak Kadir, petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Sibu dan persatuan-persatuan veteran ATM sekitar Sibu.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”